

## ANAK YATIM DARUL AITAM MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN

Haryati Hasan  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tg. Malim, Perak  
Emel: haryatie@fsk.upsi.edu.my

### ABSTRAK

*Berdasarkan Laporan Tahunan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Rekod Daftar Penghuni Darul Aitam Putera serta temubual dengan pelbagai pihak yang berkaitan secara langsung dan tidak langsung dengan Rumah Kebajikan Anak-Anak Darul Aitam, artikel ini membincangkan latarbelakang penghuni seperti tempat asal dan peringkat umur ketika memasuki Darul Aitam. Kajian ini mendapati kalangan penghuninya berasal dari pelbagai jajahan di Kelantan. Sementara itu peringkat umur ketika mereka memasuki Darul Aitam Putera ialah antara tujuh hingga 16 tahun. Artikel ini turut menganalisis pencapaian akademik dalam kalangan penghuni berdasarkan pencapaian pada peringkat sekolah rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta kejayaan dalam kalangan mereka melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Akhirnya, artikel ini mengupas sumbangan mereka yang membanggakan pihak Darul Aitam kerana berjaya memegang pelbagai jawatan antaranya sebagai jurutera, pensyarah, peguam, guru, pegawai syariah, ahli perniagaan dan pembantu tadbir serta sebagai staf sokongan di Darul Aitam. Diharapkan dengan adanya data dari tahun 1996 sehingga kini mampu membantu pihak Darul Aitam mengesan bekas penghuni dan merancang strategi untuk membuat program yang tersusun bagi manfaat penghuni baharu pada masa akan datang. Selain itu kajian ini dijangka memberi manfaat kepada pihak MAIK untuk mengesan sejauh mana sumbangan dalam kalangan bekas penghuni Darul Aitam kepada MAIK.*

Kata Kunci: Anak Yatim, Darul Aitam, MAIK, latar belakang, akademik

### PENGENALAN

Negeri Kelantan, terletak di Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu dan bersempadan dengan Siam. (W.A.Graham, 1908). Kedudukan sedemikian mewujudkan suatu budaya masyarakat yang unik dan tersendiri berbanding dengan negeri Melayu lain. (A.Aziz Deraman, 1998). Daripada aspek politik, negeri tersebut menerima pengaruh Siam sebelum pihak British campur tangan. (Anker Rentse, 1934). Sebelum penubuhan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JHEAIK) pada 1979 dan Yayasan Islam Kelantan (YIK) pada 1983, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) merupakan badan tunggal dengan kuasa penuh dalam bidang agama pada peringkat negeri Kelantan. MAIK merupakan badan penasihat kepada KDYMM al-Sultan Kelantan dalam perkara agama, di samping menjadi pihak berkuasa dalam semua urusan keagamaan negeri Kelantan yang merangkumi fatwa, zakat dan fitrah, wakaf dan baitumal, wasiat dan nazar, penentuan puasa dan hari raya, imam dan mukim Jumaat, saudara baru, dan lain-lain. Malah, sebelum Pejabat Mufti diletakkan di bawah Kerajaan Negeri pada 1920, MAIK turut berperanan sebagai sebuah 'Mahkamah Rayuan' bagi membicarakan kes-kes ulang bicara dari Mahkamah Syariah yang melibatkan perkahwinan, perceraian, rujuk, khalwat, puasa, (makan di khalayak ramai dalam bulan Ramadan), tidak hadir solat Jumaat dan lain-lain. (Abdul Razak Mahmud, 2010). Penubuhan MAIK merupakan satu usaha transformasi pentadbiran Islam bagi menambah baik pengurusan hal ehwal agama Islam Kelantan yang telah wujud sebelumnya. Justeru, penubuhan MAIK merupakan suatu keperluan dan tuntutan semasa berikutan beberapa perubahan yang merugikan umat Islam yang berlaku di negeri Kelantan dalam aspek politik, ekonomi, dan sosial pada masa tersebut. (Mahmood Zuhdi Haji Abd. Majid, 2013).

Penyelidikan mengenai anak yatim amat jarang diketengahkan. Salah seorang pengkaji yang mengkaji mengenai rumah anak yatim ialah Ter Geok Hua pada tahun 1987 yang bertajuk "Rumah Anak Yatim Sebuah Institusi Kebajikan Sosial (Satu Kajian Kes di Peyakin Klang). Di dalam kajiannya, beliau membincangkan mengenai dasar dan tujuan struktur pentadbiran PEYAKIN. Selain itu, beliau turut membincangkan mengenai keperluan asas yang disediakan oleh PEYAKIN kepada para penghuninya. Beliau juga turut mengkaji mengenai bidang pendidikan yang telah dititikberatkan oleh PEYAKIN. Bidang pendidikan ini juga termasuklah ajaran agama dan moral demi menjamin para penghuninya tidak melakukan sesuatu yang menyalahi norma-norma sosial. (Ter Geok Hua, 1987).

Di samping itu, tema mengenai rumah anak yatim turut diperkatakan di dalam karya Sarimah binti Shaari bertajuk "Corak Kehidupan dan Organisasi Rumah Anak-Anak Yatim: Satu Kajian Kes di Rumah Budi, Yan, Kedah pada tahun 1989. Beliau telah mengkaji mengenai kehidupan dan corak organisasi yang terdapat di rumah Budi, Yan Kedah. (Sarimah binti Shaari, 1989). Pada masa sama, beliau juga telah mengkaji tentang kegiatan-kegiatan yang terdapat di rumah anak yatim tersebut. Kajian Low Soo Jin pada 1992 membincangkan tentang "Sosialisasi Kanak-Kanak di Rumah Kebajikan Faith". Di dalam kajian tersebut, beliau memperkatakan mengenai aktiviti yang dijalankan kepada penghuni rumah tersebut, objektif Rumah Kebajikan Faith serta rancangan-rancangan yang dirangka untuk masa hadapan. Di samping itu, beliau menganalisis mengenai latarbelakang penghuni yang tinggal di Rumah Kebajikan Faith. Selain itu juga beliau turut mengkaji mengenai tahap perkembangan individu yang menghuni rumah tersebut. (Low Soo Jin, 1992). Selain itu terdapat kajian yang bertajuk "Peranan Badan Kebajikan dalam Mendidik Anak-Anak Yatim: Kajian Kes di Rumah Badan Usaha Didikan Anak-anak Yatim Negeri Kedah (BUDI). Kajian ilmiah ini ditulis oleh Jalilah binti Ahmad pada tahun 2005. Dalam kajian ilmiah tersebut, beliau telah membincangkan mengenai sejarah penubuhan Rumah BUDI, organisasi yang berada dalam Rumah BUDI, dan biro-biro yang berperanan bagi memastikan BUDI dapat menjalankan fungsinya dengan berkesan. Pada masa sama, beliau juga turut memberi penekanan kepada analisis hasil daripada kaedah soal-selidik yang dijalankan ke atas anak-anak yatim. Melalui analisis yang dijalankan ini, beliau dapat menilai

sama ada Rumah BUDI dapat memainkan peranannya secara berkesan atau sebaliknya. (Jalilah binti Ahmad, 2005). "Perkembangan Sejarah Penubuhan Darul Aitam Putera, 1996-2017" membincangkan mengenai latar belakang anak yatim Darul Aitam Putera, Program-Program anjuran Darul Aitam dan Pencapaian Akademik. (Haryati Hasan dan Ibrahim Hashim, 2018a). Pemilihan tajuk ini seiring dengan strategi MAIK yang menggalakkan kewujudan institusi kebajikan khasnya dalam kalangan anak yatim. Selain itu objektif penubuhan Darul Aitam itu sendiri terutamanya yang berkaitan dengan kepentingan pendidikan turut menjadi pemangkin kepada kajian ini.

Di Kelantan ramai anak yatim tinggal di kawasan luar bandar dan mereka terdiri dalam kalangan anak nelayan, petani, penoreh getah, buruh kasar dan lain-lain. Kebanyakan mereka menjadi yatim kerana bapa meninggal dunia disebabkan sakit jantung, barah, darah tinggi, kencing manis, kemalangan jalan raya dan hilang di lautan. Pada 1992, terdapat seramai 15,132 orang anak-anak yatim dan kebanyakan mereka tinggal dengan ibu atau sanak-saudara di kampung masing-masing. (Mohd Azhari bin Ahmad, 1992). Unit Kebajikan (Darul Aitam) merupakan satu unit yang terletak di bawah bahagian pentadbiran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Unit ini mula beroperasi pada 2 Mei 1985 dengan pengambilan beberapa orang kakitangan tetap MAIK. Unit ini berfungsi secara khusus untuk mengurus serta mengelola sebarang hal ehwal yang berkaitan dengan Rumah Kebajikan Anak-Anak Yatim Darul Aitam (Putera dan Puteri) yang dikelola oleh MAIK. Penubuhannya adalah di bawah Seksyen 7(1) (C) Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1966. Di bawah enakmen ini, MAIK telah menubuhkan dua buah rumah kebajikan anak-anak yatim iaitu Darul Aitam Putera yang terletak di Jalan Dato' Lundang, Kota Bharu (mula beroperasi pada 2 Mei 1985) dan Darul Aitam Puteri yang terletak di Jalan Raja Dewa (dibuka secara rasmi pada 3 Ogos 1992). (*Laporan Tahunan MAIK*, 2000). Pada penghujung 2006, penghuni Darul Aitam Putera telah dipindahkan ke Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Panji (KIJPSIP). Dengan itu, segala urusan pentadbiran Darul Aitam Putera berpusat di kompleks ini dan jumlah penghuni bagi tahun 2008 ialah seramai 96 orang. (*Laporan Tahunan MAIK*, 2008). Darul Aitam Puteri pula terletak di Lot 2134, Panji Kota Bharu Kelantan berhadapan dengan Darul Aitam Putera. Jumlah penghuni pada tahun 2021 ialah seramai 121 orang yang terdiri daripada 59 orang Putera dan 62 orang Puteri. Had pengambilan untuk Darul Aitam Putera ialah seramai 80 orang manakala Darul Aitam Puteri ialah 70 orang (e-maik.my/v2/perkhidmatan). Pada Januari 2022 jumlah anak yatim Darul Aitam ialah seramai 118 orang iaitu 58 orang putera dan 60 orang puteri. (Yasman bin Hashim @ Yasin, 2022). Penubuhan Rumah Kebajikan Darul Aitam ini membolehkan, anak-anak yatim di seluruh Kelantan dapat menikmati pelbagai kemudahan, didikan serta kasih sayang daripada semua pihak terutama daripada segi tempat tinggal yang selesa, pakaian dan makanan yang mencukupi, kemudahan pendidikan akademik yang sempurna dan meningkatkan pengetahuan agama Islam dan nilai-nilai murni serta melatih dengan kehidupan berdisiplin. (Yasmoon binti Mohamed, 2017).

## **METODOLOGI**

Artikel ini berdasarkan analisis ke atas *Laporan Tahunan MAIK* yang diperolehi di Perpustakaan Islam MAIK di KIJPSIP dan *Rekod Daftar Penghuni Darul Aitam Putera* di pejabat KIJPSIP. Selain itu maklumat diperolehi dengan menemubual Pengurus dan Mantan Pengurus KIJPSIP, Pengetua Darul Aitam Putera, Pegawai Penerbitan MAIK dan staf am Darul Aitam Putera selaku bekas penghuni Darul Aitam Putera. Maklumat mengenai Darul Aitam Puteri masih pada peringkat mengumpul data justeru perbincangan mengenainya masih kurang lengkap. (Haryati Hasan, 2021b).

Gambar 1: Blok Asrama Darul Aitam Putera



Sumber: *Laporan Tahunan MAIK, 2013.*

## **HASIL DAN PERBINCANGAN**

Isu mengenai anak yatim amat jarang dikaji walau pun mereka merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat. Di Kelantan terdapat banyak rumah anak yatim namun istimewanya Darul Aitam, pusat ini dibiayai oleh pihak MAIK. (Mohd Nor Hashri bin Junoh, 2022). Jelasnya Darul Aitam ditubuhkan untuk menolong membantu, memberi kemudahan tempat tinggal dan keperluan sara hidup serta bimbingan akademik dan rohaniyah yang sempurna kepada kalangan anak yatim putera dan puteri.

Darul Aitam putera terletak di dalam KIJPSIP yang dilengkapi pelbagai kemudahan. Namun begitu apabila pengkaji membuat tinjauan rambang kepada masyarakat setempat khususnya dalam kalangan rakan-rakan pengkaji yang tinggal di sekitar Kota Bharu dan Pengkalan Chepa mereka tidak menyedari akan kewujudan Darul Aitam Putera walau pun mereka pernah melalui jalan berkenaan. Hal ini disebabkan lokasinya yang eksklusif di dalam pagar dan sedikit terlindung dari jalan raya. Pengkaji melihatnya sebagai suatu ciri yang istimewa kerana suasana ini memberi ketenangan dan kedamaian kepada penghuni dalam kalangan anak yatim ini. Darul Aitam Puteri akan berpindah ke KIJPSIP dijangka pada March 2022. (Yasman bin Hashim @ Yasin, 2022).

Selain itu pengkaji terpenggil untuk mengetahui lebih lanjut siapakah dalam kalangan penghuni Darul Aitam Putera ini, setidak-tidaknya mengetahui tentang latar belakang keluarga, peringkat umur, pencapaian mereka dalam bidang akademik dan apakah sumbangan mereka kepada pihak MAIK. Sungguh pun segala persoalan ini belum tentu terjawab semuanya namun setidak-tidaknya pengkaji mengharapkan agar dengan siapnya kajian ini mampu memberi info berguna pada peringkat permulaan dan menjadi titik tolak untuk kajian yang lebih mendalam pada masa akan datang.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi artikel ini menumpukan perbincangan kepada latar belakang penghuni seperti tempat asal dan peringkat umur ketika memasuki Darul Aitam. Artikel ini turut menganalisis pencapaian akademik dalam kalangan penghuni dan ini bertujuan untuk melihat sejauh mana merekamampu memberi sumbangan kepada pihak Darul Aitam khususnya dan MAIK amnya

Gambar 2: Rumah Kebajikan Darul Aitam Puteri



Sumber: Koleksi Peribadi Penulis.

### Tempat asal

Jadual 1 menunjukkan kemasukkan pelajar ke Darul Aitam dari pelbagai jajahan sejak 1996 sehingga 2017. (Analisis daripada *Rekod Daftar Penghuni Darul Aitam Putera*). Sepanjang tempoh 19 tahun (tahun 1997 dan 2001 tidak terdapat catatan kemasukkan) tersebut menunjukkan terdapat seramai 351 orang pelajar telah mendaftar di Darul Aitam. Pada 1996 seramai tiga orang pelajar telah mendaftar, 1998 hanya seorang, 1999 seramai 11 orang, tahun 2000 seramai 10 orang, 2002 seramai sembilan orang, 2003 tujuh orang, 2004 seramai 30 orang, 2005 seramai 10 orang, 2006 berjumlah 25 orang, 2007 berjumlah 31 orang, 2008 seramai 25 orang, 2009 seramai 32 orang, 2010 seramai 14 orang, 2011 seramai 17 orang, 2012 seramai 38 orang, 2013 seramai 19 orang (seorang dari Jeratih, Terengganu), 2014 seramai 22 orang, 2015 berjumlah 29 orang dan seorang pada 2016 serta 17 orang pada 2017.

Jadual 1: Tempat Asal Anak Yatim Darul Aitam

Tahun	KB	GM	B	PP	PM	T	TM	KK	Jeli	M	RP	J	Jumlah
1996				1		2							3
1997													0
1998	1												1
1999		2	1	1	2	1	1	1			2		11
2000	6		3							1			10
2001													0
2002	2	3		1				2		1			9
2003	3	1				1	1		1				7
2004	14	4	3		4	3	1			1			30
2005	4	2	2			2							10
2006	6	7	3	2	2	1				2	2		25
2007	12	1	1	7	2	3		1	3	1			31
2008	8	1	5	4		5			1		1		25
2009	9	4	3		2		4	6	2	1	1		32
2010	6	1		2	1		3				1		14
2011	10		1	2	1		1		2				17
2012	7	7	8	4	4	2	1	1	2	2			38

2013	7	2	2	2	2		2		1			1	<b>19</b>
2014	9	1		1	3	1	2	1	2	1	1		<b>22</b>
2015	7	5	4	4	4		1	1		3			<b>29</b>
2016											1		<b>1</b>
2017	5	1	1	1	4			4		1			<b>17</b>
<b>Jumlah</b>	<b>116</b>	<b>42</b>	<b>37</b>	<b>32</b>	<b>31</b>	<b>21</b>	<b>17</b>	<b>17</b>	<b>14</b>	<b>14</b>	<b>9</b>	<b>1</b>	<b>351</b>

Sumber: Haryati Hasan, (2018b).

Jadual 1 juga menunjukkan kalangan penghuninya datang dari pelbagai jajahan di Kelantan. Mereka yang berasal dari Kota Bharu (KB) paling ramai iaitu berjumlah 116 orang atau lebih kurang 33 peratus. Ini diikuti dari Gua Musang (GM) seramai 42 orang, Bachok (B) 37 orang, Pasir Putih (PP) 32 orang dan Pasir Mas (PM) 31 orang. Mereka yang berasal dari Tumpat (T) pula berjumlah 20 orang dan masing-masing seramai 17 orang dari Tanah Merah (TM) dan Kuala Krai (KK). Selain itu, 14 orang masing-masing berasal dari Jeli dan Machang (M) dan seramai sembilan orang dari Rantau Panjang (RP). Manakala seorang penghuni datang dari luar Kelantan iaitu dari Jertih (J), Terengganu.

### Umur Penghuni

Jadual 2 menunjukkan kategori umur penghuni Darul Aitam Putera sejak tahun 1996 sehingga 2017. Dalam tempoh 19 tahun tersebut, daripada seramai 351 orang penghuninya, empat orang tidak diketahui umur kerana tidak direkodkan. Ini bagi kemasukan pada tahun 2013, iaitu masing-masing seorang dari Kota Bharu, Jeli, Pasir Putih dan Jertih.

Secara keseluruhannya mereka berusia dari tujuh hingga 16 tahun. Penghuni paling muda berusia tujuh tahun dan sepanjang tempoh ini hanya seorang sahaja kanak-kanak berusia tujuh tahun mendaftar di Darul Aitam iaitu pada tahun 1999. Sepanjang tempoh ini juga memperlihatkan penghuni yang paling senior berusia 16 tahun dan mereka berjumlah sembilan orang.

Jadual 2: Umur Penghuni Mengikut Tahun

Umur	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	Tidak Diketahui	Jumlah
1996		1	1			1						3
1997												0
1998				1								1
1999	1	1	1	1		4	1	2				11
2000				4		5	1					10
2001												0
2002			1	1		1	5	1				9
2003					1	2	2	2				7
2004			1	4	6	5	11	3				30
2005				1	3	2	4					10
2006			1	4	5	8	6	1				25
2007			1	3	1	4	21	1				31
2008			2	2	2	4	13	2				25
2009				2	5	7	9	7		2		32
2010				1	1	3	3	5		1		14
2011				1	3	5	6	1	1			17
2012		1	1	1	3	13	11	5		3		38
2013				1			9	1	2	2	4	19
2014				2	2	3	9	5		1		22
2015		1		1	3	7	12	4	1			29
2016				1								1

2017				3	2	3	8	1				17
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>	<b>4</b>	<b>9</b>	<b>34</b>	<b>37</b>	<b>77</b>	<b>131</b>	<b>41</b>	<b>4</b>	<b>9</b>	<b>4</b>	<b>351</b>

Sumber: Haryati Hasan. (2018b).

Kategori pelajar yang berusia 13 tahun paling ramai iaitu berjumlah 131 orang. Seterusnya diikuti mereka yang berusia 12 tahun seramai 77 orang, 14 tahun seramai 41 orang, 11 tahun seramai 37 orang, 10 tahun seramai 34 orang, 16 tahun sembilan orang, sembilan tahun seramai lapan orang, 15 tahun seramai enam orang, lapan tahun seramai tiga orang dan seorang berusia tujuh tahun. Mereka yang berusia tujuh hingga 12 tahun seramai 160 orang atau lebih kurang 46 peratus. Pada usia ini mereka berada di sekolah rendah dari darjah satu sehingga enam. Pada tahap usia ini mereka masih berstatus kanak-kanak dan di pihak pengurusan khasnya kalangan warden tentu berhadapan dengan cabaran yang bukan kecil. Mereka perlukan kesabaran dan komitmen yang tinggi. Seramai 208 orang atau 60 peratus berusia dalam lingkungan 12 dan 13 tahun iaitu tahap transisi dari usia kanak-kanak kepada remaja. Selain itu kalangan penghuni yang berada di peringkat sekolah menengah iaitu dari tingkatan satu sehingga empat seramai 187 orang atau 54 peratus.

Di Darul Aitam terdapat pelbagai aktiviti yang dijalankan. Dalam tempoh sembilan tahun iaitu dari 2008 sehingga 2016 terdapat sebanyak 345 aktiviti yang melibatkan penghuni putera dan puteri. Secara purata setiap tahun sebanyak 38 aktiviti dan sebulan tidak kurang dari tiga aktiviti. Jenis-jenis aktiviti dicerakinkan mengikut program-program seperti program berbentuk motivasi dan keagamaan, lawatan dan kunjungan ke Darul Aitam, aktiviti dan jemputan luar, sambutan hari kebesaran dan keraian serta sukan dan riadah. Impak daripada pelbagai program ini dapat diperhatikan daripada kejayaan yang dicapai oleh penghuni dalam bidang akademik khasnya dan bukan akademik amnya. ( Haryati Hasan, 2021a).

Gambar 3: Dewan Utama KIJSIP



Sumber: Ihsan daripada Pengurus KIJSIP Che Alias bin Harun

### **Pencapaian Akademik**

Perbincangan mengenai pencapaian akademik menumpukan kepada pencapaian pada peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan Institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta.

#### **a- Pencapaian Sekolah Rendah**

Pada tahun 2010 Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) menunjukkan tiga orang calon cemerlang. Seorang penghuni putera mencapai 2A, 2B, 1C. Sementara dua orang pelajar puteri mencapai 3A dan 2B. (Laporan Tahunan MAIK, 2010 ).

Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada 2011 pula menunjukkan terdapat empat orang pelajar putera dan puteri yang cemerlang. Seorang pelajar puteri memperoleh 4A & 1B dan seorang lagi 3A & 2B. Sementara itu dua orang pelajar putera masing-masing memperoleh 2A, 2B dan 1C serta 1A & 4B. (Laporan Tahunan MAIK, 2011 ).

#### **b- Pencapaian Sekolah Menengah**

Penilaian Menengah Rendah (PMR) bagi tahun 2010 menunjukkan dua orang pelajar mencapai keputusan cemerlang. Seorang pelajar puteri mendapat 9A dan seorang putera mendapat 8A dan 1C. (Laporan Tahunan MAIK, 2010). Selain dua orang yang

mencapai keputusan cemerlang, terdapat seramai empat lagi turut memperolehi keputusan yang baik. Dua orang pelajar putera masing-masing mendapat 4A, 4B & 1D dan 3A, 1B, 3C & 3E. (*Laporan Tahunan MAIK, 2010*).

Penilaian Menengah Rendah pada 2011 pula menunjukkan terdapat empat orang pelajar yang mendapat keputusan cemerlang. Seorang pelajar putera mendapat 1A, 1B, 1C, 4D & 1E. Sementara itu tiga orang lagi merupakan pelajar puteri. (*Laporan Tahunan MAIK, 2011*).

Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun 2011 pula menunjukkan terdapat lima orang pelajar yang mencapai keputusan cemerlang. Dua orang pelajar putera memperolehi keputusan 3A, 3B, 3C & 1D dan 3A, 1B, 3C & 2E. Sementara tiga orang daripadanya merupakan pelajar puteri yang masing-masing memperolehi 4A, 3B, 1C & 3D; 3A, 2B & 4C dan 3A, 2B, 2C dan 2E. (*Laporan Tahunan MAIK, 2011*).

### **c- IPT Awam dan Swasta**

Melalui pendidikan yang sempurna dan kemudahan yang selesa, Darul Aitam telah berjaya mendidik mereka sehingga ke menara gading. Seramai 53 orang penghuni Darul Aitam yang berjaya melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. (*Laporan Tahunan MAIK, 2009*).

Pada tahun 2009 terdapat seramai empat orang berjaya melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi. Dua orang menyambung pengajian di kolej Matrikulasi Changlun, Kedah dan Gambang, Pahang. Mereka memilih bidang Sains. Seorang menyambung pengajian di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Semambu Pahang dengan mengambil kursus Diploma Akauntansi. Sementara itu seorang lagi menyambung pengajian di Universiti Utara Malaysia dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan. (*Laporan Tahunan MAIK, 2009*).

Pada tahun 2010 terdapat seramai sembilan orang berjaya melanjutkan pengajian ke enam buah Institusi Pengajian Tinggi. Empat orang berjaya ke Politeknik Kota Bharu, dua orang ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) Dungun, Terengganu dan Machang, Kelantan, seorang ke Universiti Malaysia Terengganu (UMT), seorang ke Universiti Selangor (UNISEL) dan seorang ke Kolej Islam Sains Teknologi (KIST), Bachok. (*Laporan Tahunan MAIK, 2010*).

Pada 2011 terdapat seramai lima orang berjaya menyambung pengajian ke lima Institusi Pengajian Tinggi. Empat orang daripadanya adalah putera. Mohd Khairul Ikhwan bin Awang Hamat berjaya melanjutkan pengajian di Universiti Malaysia Sabah di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Sejarah. Nik Kamaruzaman bin Nik Zulkifli pula melanjutkan pengajian di Universiti Teknologi Mara, Sri Iskandar di peringkat Diploma dalam jurusan Ukur Bahan. Mohamad Azlan bin Abdullah memilih bidang Syariah di peringkat Ijazah Sarjana Muda di Kolej Universiti Insaniah, Kedah dan Mohamad Asmawi bin Saidi berjaya melanjutkan pengajian di peringkat Diploma Tahfiz dan Qiraat di Maahad Tahfiz al-Quran, MAIK. Kejayaan mereka ini menjadi kebanggaan kepada pihak Darul Aitam Putera dan menjadi dorongan kepada kalangan penghuni lain untuk menggapai kejayaan seperti mereka. (*Laporan Tahunan MAIK, 2011*).

### **Sumbangan**

Kejayaan pada peringkat Sekolah Menengah membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi. Setelah bergraduasi dalam kalangan bekas penghuni Darul Aitam menjawat pelbagai jawatan. Antaranya sebagai jurutera, pensyarah, peguam, guru, pegawai syariah, ahli perniagaan dan pembantu tadbir. Selain itu ada yang menyumbangkan tenaga kepada pusat Darul Aitam Putera sebagai staf sokongan.

Mohd Zailani bin Abdullah yang berasal dari Kg. Wakaf Lanas Pasir Puteh dilahirkan pada 1982 dan merupakan anak ke tiga daripada lapan orang adik beradik. Beliau memasuki dan seterusnya mendiami Darul Aitam pada 2 Jun 1990 ketika berusia lapan tahun setelah kematian ayahandanya pada March 1990. Menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kamil 1, Pasir Puteh. Seterusnya ke Sekolah Kebangsaan Lundang setelah mendiami Darul Aitam dari tahun dua sehingga tahun enam pada 1994. Beliau seterusnya menyambung pengajian di peringkat menengah di Sekolah Menengah Ugama (A) Maahad Muhammadi Lelaki, Kota Bharu dari Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 5 pada tahun 1999 dengan mendapat keputusan SPM yang agak cemerlang. Pada tahun 2000, beliau mendapat tawaran melanjutkan pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam Jurusan Kejuruteraan Kimia-Bioproses di Universiti Teknologi Malaysia. Kerjaya beliau bermula sebagai Jurutera di syarikat perkhidmatan minyak dan gas *Geo Services, Inc. (Geoeast (M) Sdn Bhd)* dari 2005 sehingga 2013. Sepanjang tempoh tersebut beliau bertugas di luar pesisir pantai dalam aktiviti carigali minyak dan gas. Pada 2013 sehingga 2016, beliau bertugas sebagai Jurutera/*Specialist* di syarikat perkhidmatan minyak dan gas *Halliburton Energy Services (M) Sdn Bhd* dan bertugas sebagai *Drilling Consultant* untuk Petronas Carigali di Menara Berkembar Petronas, Kuala Lumpur. Akhirnya, beliau mengambil keputusan untuk berkerja sendiri dengan menubuhkan Syarikat Perniagaan Ilman Insyirah Resources dan menjalankan perniagaan Pusat Rawatan Bekam Al-Insyirah dan Dobi Al-Insyirah di Wakaf CheYeh, Kota Bharu Kelantan. (Zulkarnain bin Abdullah, 2017).

Marzuki bin Nawi lahir pada tahun 1981 dan diterima masuk mendiami Darul Aitam pada 3 September 1990 ketika berusia sembilan tahun. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Lundang dari tahun tiga hingga tahun enam (akhir tahun 1993). Di peringkat Menengah pula, beliau meneruskan pengajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Kerian 2 dari tingkatan satu hingga lima. Setelah menamatkan pelajaran di tingkatan lima, beliau meneruskan pula pengajian di tingkatan enam di Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Kerian 1. Pada 2001 Marzuki mendapat tawaran melanjutkan pengajian di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang dan berjaya mendapat Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (Geografi). Beliau memulakan kerjaya sebagai Warden Asrama (sambilan) di Darul Aitam Putera pada 2005 sehingga 2006. Beliau seterusnya dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pegawai Tadbir, Darul Aitam mulai 2007 sehingga 2008. Pada awal 2009 beliau mendapat tawaran menjalani Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) – Diploma Pendidikan. Pada 2010 beliau, mula bertugas sebagai Guru di Sekolah Kebangsaan Kuala Balah, Jeli, Kelantan sehingga pertengahan April, 2014. Seterusnya beliau bertugas di Sekolah Kebangsaan Sabak, Kota Bharu. (Azmi bin Mat, 2017).

Abdullah Fahmi Che Nor pernah menjadi penghuni Darul Aitam Putera dan merupakan juara Akademi al-Quran (AQ) musim pertama. Beliau yang merupakan anak ketiga daripada 10 beradik dan menghafaz 30 juzuk al-Quran. (Azmi bin Mat, 2017). Peringkat awal beliau menyertai pertandingan musababah membaca al-Quran ketika mewakili Sekolah Kebangsaan Lundang, Kota

Bharu semasa berada di darjah lima. Beliau pernah belajar di Darul Quran, Kuala Kubu Bharu, Selangor. (*Utusan Online*, 2006). Beliau mencatatkan pelbagai kejayaan yang membanggakan kepada pihak Darul Aitam khususnya dan MAIK amnya. Antara kejayaan Pensyarah al Quran di Jabatan Al Quran Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kelantan, ini antaranya beliau dinobatkan sebagai johan Pertandingan Tilawah Al Quran Peringkat Antarabangsa Moscow, Rusia kali ke-17 yang berlangsung dari 22 hingga 25 September 2016. Beliau juga peserta Majlis Tilawah Al Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 2016 mengeneipkan 30 peserta lain sekali gus membawa pulang wang tunai RM20,000 (USD5,000), plak penghargaan dan sijil. Majlis penyampaian hadiah berlangsung di Crocus City Hall, Moscow pada 25 September 2016 oleh Pengerusi Majlis Mufti Rusia dan Persekutuan Muslim dan Kerohanian Rusia, Sheikh Ravil Gaynutdin. (*Harian Metro*, 2016).

Selain itu terdapat beberapa orang penghuni lain yang membanggakan pihak Darul Aitam Putera antaranya Mohd Rozimi bin Shamshuddin yang tamat di Darul Aitam pada 1999. Beliau berkelulusan Diploma Sains Komputer (Multimedia) dari Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur. Selain itu, Mohd Zulkifli bin Ah Bah @ Salleh pula tamat di Darul Aitam pada Mei 2001. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Sejarah) pada tahun 2004. Salah seorang penghuni yang berjaya dalam perniagaan ialah Roslan bin Ibrahim yang lahir pada 1974. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Padang Mokkan, Peringat, Kota Bharu. Beliau kemudiannya menyambung pengajian di peringkat Menengah di Maahad Pengajian Islam pada tahun 1987. Beliau mendiami di Darul Aitam selama tiga tahun dari 1989 sehingga 1992. Beliau kini, mengusahakan dua buah cawangan perniagaan sistem penapisan air (*Ros Sus Water Centre*) bertempat di Jalan Sultan Yahya Petra, Lundang, Kota Bharu dan di Lembah Sireh berhampiran Pasaraya Tesco dari 2005 sehingga kini. Selain itu pada awal tahun 2011, beliau telah menubuhkan satu lagi perniagaan iaitu "Kontraktor Binaan" sehingga sekarang. (Che Alias bin Harun, 2017)

Mahami dilahirkan pada tahun 1974 dan tinggal di Darul Aitam Putera selama sembilan tahun dari 1985 sehingga 1994. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Lundang dalam tahun enam pada 1986. Di peringkat Menengah beliau belajar di Maahad Pengajian Islam. Seterusnya beliau melanjutkan pelajaran peringkat ijazah di Universiti al-Azhar cawangan Mansurah dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dari 1994 sehingga 1998. Pada 2001 beliau mengikuti Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI)-Kursus Dalam Cuti (KDC) – Diploma. Beliau mula bekerja sebagai Guru di Sekolah Menengah Ugama (Arab) Ahmadiyah Banggol Judah, Machang dari 1999 sehingga 2001. Pada 2000 sehingga 2001 beliau menjadi Warden di Asrama Bakti, Machang secara sambilan. Pada 2001 sehingga 2002 beliau menjadi Guru di Sekolah Menengah Ugama (Arab) Ismailiah, Pohon Buloh, Meranti, Pasir Mas dan tahun 2003 sebagai Guru di Maahad Muhammadiyah (Perempuan), Jalan Merbau, Kota Bharu. Akhirnya pada 2004 sehingga kini beliau berkhidmat sebagai Guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Buloh Kasap, Segamat, Johor.

Azman bin Mamat lahir pada tahun 1978 dan melapor diri memasuki Darul Aitam Putera pada 5 Mei 1985 ketika berusia tujuh tahun. Beliau mendapat pendidikan awal pada peringkat rendah di Sekolah Kebangsaan Lundang dari 1985 sehingga 1990. Di peringkat menengah pula, bermula tahun 1991 sehingga 1997 di Sekolah Menengah Ugama (Arab) Ar-Rahmah Kenali (kini, Maahad Ar-Rahmah Kenali). Setelah menamatkan pengajian di peringkat menengah, beliau mendapat tawaran ke Institut Kemahiran Mara, Besut, Terengganu selama dua tahun dalam bidang Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Domestik & Industri) (Wireman Nil PW4). Pada 2003 sehingga 2007 beliau berkerja sebagai juruteknik di Syarikat EB Technologies (M) Sdn Bhd (*Broadband Company*). Pada 3 Februari 2008 pula beliau mendapat tawaran kerja di Mahkamah Rendah Syariah, Bachok dan pada 1 Mac 2010 ditukarkan ke Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu. Beliau sekali lagi ditukarkan kerana faktor kesihatan dan kali ini ke Mahkamah Rendah Syariah Pasir Puteh pada 1 Oktober 2011 sehingga sekarang dan menyandang jawatan sebagai Pembantu Syariah.

Azman bin Mohd Yusoff mendaftar sebagai penghuni di Darul Aitam pada akhir tahun 1985. Beliau ditawarkan belajar di Maahad Muhammadiyah (Lelaki), Pengkalan Chepa selama tujuh tahun mulai 1986 sehingga 1992. Setelah tamat pengajian pada awal tahun 1993, beliau mengambil keputusan mengundur diri dari mendiami Darul Aitam di atas permintaan ahli keluarga. Pada tahun yang sama, beliau mendapat tawaran kerja sebagai Pembantu Tadbir (Sambilan) selama enam bulan di Perpustakaan Islam, MAIK (dulunya, berhampiran Masjid Muhammadiyah, Kota Bharu). Seterusnya pada pertengahan Jun 1993 beliau mendapat tawaran dari Pejabat Setiausaha Kerajaan sebagai Pembantu Tadbir (Tetap) di Mahkamah Syariah Gua Musang. Kemudiannya beliau bertukar ke Kementerian Kesihatan Malaysia dan ditempatkan di Hospital Gua Musang. Pada 2006, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pembantu Tadbir dan ditukarkan pula ke Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Pahang. Pada 2011, sekali lagi beliau dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pegawai Tadbir dan ditempatkan di Hospital Jerantut, Pahang. Pada 2014, beliau bertukar ke Kelantan dan kini bertugas di Hospital Daerah Tanah Merah.

Zulkarnain bin Abdullah mula mendiami Darul Aitam Putera pada 2 Jun 1990. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Lundang dalam tahun empat pada pertengahan tahun 1990 hingga akhir tahun 1992). Seterusnya, beliau menyambung pelajaran peringkat menengah di Sekolah Menengah Ugama (Arab) Ar-Rahmah Kenali (kini, Maahad Ar-Rahmah Kenali) pada awal tahun 1993 hingga akhir tahun 2000. Setelah menamatkan pelajaran di peringkat menengah, beliau pernah dicadangkan membantu dalam urusan Pentadbiran (termasuk mencetak bahan-bahan pembelajaran penghuni dan sebagainya) di Pejabat Darul Aitam (dahulunya, di Jalan Ya'akubiah) dengan sukarela dan diberi saguhati dengan wang poket oleh Pembantu Tadbir ketika itu, Encik Nik Shaiful Bahri bin Nik Mustapha. Awal tahun 2005, mula ditawarkan jawatan sebagai Pembantu Asrama (sambilan) dan ditempatkan di Darul Aitam Putera, Jalan Dato' Lundang (dahulunya, Jalan Ya'akubiah) Kota Bharu. Kadar gaji ketika itu sebanyak RM200 sebulan. Sekali lagi, pada akhir 2009, beliau ditawarkan menyandang jawatan sebagai Pembantu Asrama (Gred N1) - (Kontrak) oleh pihak MAIK sehingga sekarang. Gaji permulaan ketika itu sebanyak RM689.00 sebulan. (Zulkarnain bin Abdullah, 2017).

Kejayaan dan sumbangan penghuni puteri turut membantu menaikkan nama Darul Aitam. Antara maklumat yang diperolehi ialah Maizatul Hikma binti Abdul Halim. Beliau tamat di Darul Aitam pada 2001. Beliau berkelulusan dari Universiti Sains Malaysia dengan pengkhususan dalam bidang Perakaunan. Sementara itu, Zalilah binti Ismail pula tamat di Darul Aitam pada 2002. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia dengan pengkhususan dalam bidang Usuluddin Falsafah. Akhirnya, Erma Munirah binti Yusof turut cemerlang dalam pendidikan dan berkerjaya. Beliau merupakan penghuni Darul Aitam Puteri pada 2002 sehingga tahun 2007. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Bunut Payong. Seterusnya, menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Kebangsaan Zainab 1. Setelah menamatkan pelajaran di peringkat menengah, beliau menyambung pengajian dalam bidang Asasi Undang-Undang di Universiti Teknologi



Mara (UiTM) Shah Alam dan kemudian ke Universiti Utara Malaysia. Beliau memegang jawatan sebagai peguam di firma guaman K.H. Ong & Ng. (Che Alias bin Harun, 2017).

## KESIMPULAN

Penyelidik merasakan perlu untuk mengumpulkan semua Laporan Tahunan MAIK yang berkaitan dengan Darul Aitam Putera dan Puteri. Darul Aitam Putera ditubuhkan pada 1985, namun sehingga penyelidikan ini dijalankan penyelidik mendapati yang tersimpan di rak Perpustakaan Islam MAIK laporan tahunan MAIK pada 1990, 2000-2002 dan 2008-2014. Maklumat mengenai Darul Aitam Putera bagi tahun 2015 sehingga 2017 diperolehi dari Mantan Pengurus KIJIP Puan Yasmoon binti Mohamed dan Pengetua Darul Aitam Putera Encik Azmi bin Mat. Terdapat laporan yang gagal dikesan sama ada berselerak di merata tempat atau tidak ada rekod mengenai Darul Aitam dari 1985-1989, 1991-1999 dan 2003-2007. Maklumat mengenai Darul Aitam Puteri masih belum sempurna kerana penyelidikan berada pada tahap awal dan dijangka siap pada tahun 2023.

Penyelidikan berterusan patut dijalankan kerana penyelidik merasakan perlu terutama dalam menyediakan pangkalan data mengenai latar belakang penghuni secara lebih terperinci. Ini termasuklah mengenai latar belakang keluarga, seperti tempat asal, taraf pendidikan dan pekerjaan serta status perkahwinan dan keluarga sewaktu menyerahkan atau menghantar anak ke pihak Darul Aitam. Penyelidikan yang dijalankan sekarang telah menyediakan asas ke arah tersebut. Pada tahun 1996 sehingga tahun 2007 catatan rekod daftar penghuni Darul Aitam menunjukkan terdapat seramai 351 orang penghuni. Dalam penyelidikan akan datang mungkin mampu mengesan sebahagian daripada mereka dan mengenalpasti bidang pekerjaan yang sekaligus mungkin mampu menjawab persoalan apakah sumbangan mereka kepada MAIK khususnya dan masyarakat amnya.

Penyelidik mendapati perkembangan positif dari sudut pencapaian akademik dalam kalangan penghuni Darul Aitam Putera dan Puteri. Cuma kupasan yang lebih terperinci gagal dilakukan kerana masalah kekurangan maklumat, kekangan masa dan memerlukan kos yang besar terutama dalam mendapatkan sumber dari pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pengurusan anak yatim ini sejak ditubuhkan sehingga kini. Namun begitu, penyelidik merasa kagum dengan pencapaian penghuni. Hal ini kerana penyelidik percaya selain kerja keras mereka untuk menggapai kejayaan tidak dinafikan peranan pihak pengurusan Darul Aitam Putera. Salah satu daripadanya mereka telah melaksanakan pelbagai program yang bermanfaat kepada penghuni Darul Aitam. Sepanjang sembilan tahun iaitu 2008 sehingga 2016 terdapat lebih kurang 345 aktiviti atau 38 aktiviti setahun. (Azmi bin Mat, 2017). Syabas!! kepada pengetua dan kakitangan Darul Aitam Putera. Walau bagaimana pun penyelidik berpendapat pihak Darul Aitam perlu mengenalpasti apakah perlu penambahbaikan dalam program-program tertentu, dimansuhkan atau diganti dengan program yang lebih relevan selaras dengan perkembangan semasa. Pada tahun 2022 penghuni rumah kebajikan Darul Aitam berjumlah seramai 118 orang iaitu Putera 58 orang dan Puteri pula seramai 60 orang. (Yasman bin Hashim @ Yasin, 2022).

Pelbagai kejayaan diraih penghuni secara langsung memberi gambaran positif kepada pihak pengurusan Darul Aitam khususnya dan MAIK amnya. Perbincangan hanya berdasarkan data yang ada tidak menggambarkan keseluruhan pencapaian. Ramai lagi dipercayai memperoleh kejayaan baik dari segi akademik atau bukan akademik. Selain itu dipercayai juga ramai yang memegang jawatan tinggi atau ahli perniagaan berjaya yang diibaratkan “duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi” dengan mereka yang bernasib baik mempunyai ibu bapa di luar sana. Cuma persoalannya sejauh mana sumbangan atau bagaimana mereka membalas balik jasa kepada pihak pembiaya MAIK dan Darul Aitam masih kurang jelas dan memerlukan kajian lebih lanjut. Perkara ini perlu difikirkan oleh semua pihak terutamanya pihak Darul Aitam kerana kita tidak mahu menghasilkan mereka yang hanya tahu menadahkan tangan sahaja. Mereka sepatutnya memulangkan balik apa yang perolehi dan mendapat manfaat semasa menghuni Darul Aitam dengan menyumbangkan tenaga, wang ringgit dan khidmat kemasyarakatan kepada penghuni Darul Aitam. Ibarat kata pepatah Melayu “Orang Berbudi Kita Berbahasa, Orang Memberi Kita Merasa” tetapi “Bukan Seperti Kacang Lupukan Kulit”.

## PENGHARGAAN

Penulis merangkaikan ucapan terima kasih kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan kerana menaja penyelidikan Geran Luar yang bertajuk “Perkembangan Sejarah Darul Aitam Putera, 1996-2017” (kod: 2017-0055-106-10). Ucapan terima kasih juga kepada Momentum Ratna Sdn. Bhd. yang menaja penyelidikan Geran Luar yang bertajuk “Rumah Kebajikan Darul Aitam Puteri Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan” (kod: 2021-0253-106-29).

## RUJUKAN

- Abdul Razak Mahmud. (2010). *MAIK:Peranannya dalam Bidang Keagamaan, Persekolahan dan Penerbitan di Kelantan sehingga 1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. e-maik.my/v2/perkhidmatan
- Graham, W.A.(1908). *Kelantan: A State of the Malay Peninsula*. Glasgow: James Maclehose and Sons.
- Harian Metro*. (2016). 27 September.
- Haryati Hasan dan Ibrahim Hashim. (2018a). "Perkembangan Sejarah Darul Aitam Putera, 1996-2017". 1996-2017". Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. (kod:2017-0055-106-10).
- Haryati Hasan. (2018b). “Darul Aitam Putera: Memeta Masa Depan, Mengimbau Masa Lalu”. *Pengasuh*. Bil. 657. Hlm. 51-56.
- Haryati Hasan. (2021a). “Program Anjuran Darul Aitam Putera MAIK, 2008-2012”. *Pengasuh*. Bil. 672. Hlm. 43-57.
- Haryati Hasan. (2021b). “Rumah Kebajikan Darul Aitam Puteri Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan”. Momentum Ratna Sdn. Bhd. (kod:2021-0253-106-29).
- Jalilah binti Ahmad. (2005). Peranan Badan Kebajikan dalam Mendidik Anak-Anak Yatim: Kajian Kes di Rumah Badan Usaha Didikan Anak-Anak Yatim Negeri Kedah (BUDI). Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.

- Laporan Tahunan MAIK. 2000.*  
*Laporan Tahunan MAIK. 2008.*  
*Laporan Tahunan MAIK. 2009.*  
*Laporan Tahunan MAIK. 2010.*  
*Laporan Tahunan MAIK. 2010.*  
*Laporan Tahunan MAIK. 2011.*  
*Laporan Tahunan MAIK. 2013.*  
*Laporan Tahunan MAIK. 2014.*  
Low Soo Jin. (1992). *Sosialisasi Kanak-Kanak di Rumah Kebajikan Faith. Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan.* Universiti Malaya.
- Mahmood Zuhdi Haji Abd.Majid. (2013). "Pentadbiran Fatwa di Negeri Kelantan: Prestasi 100 Tahun di Bawah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan". Dlm. Mahmood Zuhdi Haji Abd. Majid, Abdul Razak Mahmud & Nik Safiah Karim (pnyt.). *Puri Kencana: Kecemerlangan Satu Abad Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.* Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Mohd Azhari bin Ahmad. (1992). "Latar Belakang Kedudukan dan Perangkaan Anak-Anak Yatim di Negeri Kelantan". *Persidangan Dewan Syura Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Kali ke V.* Bilik Gerakan Pejabat Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. 7 Julai.
- Rekod Daftar Penghuni Darul Aitam Putera, 1996-2017.*
- Rentse, Anker.(1934). "History of Kelantan". *JMBRAS.* Vol.XII. Part II.
- Sarimah binti Shaari. (1989). *Corak Kehidupan dan Organisasi Rumah Anak-Anak Yatim: Satu Kajian Kes di Rumah Budi, Yan, Kedah.* Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Ter Geok Hua. (1987). *Rumah anak Yatim Sebuah Institusi Kebajikan Sosial (Satu Kajian Kes di Peyakin Klang).* Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Temubual. Azmi bin Mat. (2017). *Pengetua Darul Aitam Putera. Pejabat Pentadbiran Darul Aitam KIJPSIP.* 15 Oktober dan 24 Disember.
- Temubual. Che Alias bin Harun. (2017).*Pengurus Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra. Pejabat Pentadbiran Darul Aitam KIJPSIP.* 15 Oktober dan 24 Disember.
- Temubual. Mohd. Nor Hashri bin Junoh. (2022).*Pegawai Penerbitan MAIK. Pejabat Unit Penerbitan, KIJPSIP.* 30 Januari.
- Temubual. Yasman bin Hashim @ Yasin. (2022). *Pengurus Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra. Pejabat Pentadbiran Darul Aitam KIJPSIP.* 1 Februari.
- Temubual. Yasmoon binti Mohamed. (2017).*Mantan Pengurus Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra. Pejabat Pentadbiran Darul Aitam KIJPSIP.* 21 Disember.
- Temubual. Zulkarnain bin Abdullah. (2017). *Staf Am dan Bekas Penghuni Darul Aitam Putera. Pejabat Pentadbiran Darul Aitam KIJPSIP.* 15 Oktober.
- Utusan Online.* (2006).1 Ogos.